

Bendung Samseng Pelajar Daripad

Sikap sesetengah ibu bapa yang lebih mementingkan materialistik dan kurang memberikan tumpuan dan perhatian kepada anak-anak mereka di rumah sudah acap kali diperkatakan sebagai salah satu punca kepada kebobrokan disiplin pelajar.

SETELAH kita digemparkan dengan beberapa insiden keganasan yang melibatkan para pelajar sekolah lewat tahun 90-an, kali ini kita dikejutkan lagi dengan masalah disiplin yang kian membimbangkan. Nampaknya, masalah yang menghantui dunia pendidikan selama ini masih lagi belum dapat diselesaikan malah semakin parah dan mencemaskan.

Kajian yang memaparkan betapa sejumlah satu pertiga daripada sekolah-sekolah harian di negara ini terdedah kepada bahaya kegiatan samseng atau pun gengsterisme bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan.

Ibarat api dalam sekam, jika dibiarkan marak tanpa kawalan sudah tentu bakal mengundang padah yang lebih buruk lagi. Walaupun Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat mengatakan bahawa gejala ini masih terkawal dan tidak membimbangkan, namun di satu sudut janganlah pula kita mengambil sikap menunggu sehingga keadaan sudah menjadi serius baru tindakan mahu diambil kerana dikhuatiri apabila sampai ke peringkat itu kelak, segala-galanya mungkin sudah terlambat.

Janganlah kita dikatakan bila sudah terantuk baru nak terngadah! Kita seharusnya belajar daripada pengalaman yang telah lalu. Masalah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar yang dahulunya dianggap kecil dan boleh dikawal akhirnya menjadi beban yang paling besar yang terpaksa ditanggung oleh negara sekarang.

Semuanya berpunca dari sikap kurang prihatin kita dalam menangani permasalahan yang timbul di samping terlalu mudah percaya kepada angka-angka yang kadangkala tidak selalunya menggambarkan realiti yang sebenarnya.


Tentunya kita masih ingat lagi betapa dalam bulan Februari 1997, kita telah digemparkan dengan beberapa siri salah laku yang melibatkan pelajar seperti pembunuhan, pengedaran dan penagihan dadah, rogol, memukul guru, menonton video lucah dan sebagainya.

Setelah lebih kurang lima tahun berlalu, apakah kita cuma mampu setakat mendakwa bahawa masalah samseng tidaklah begitu serius seperti yang digembar-gemburkan khususnya oleh pihak media?

Apa sudah jadi dengan jawatankuasa kabinet yang dibentuk khas melibatkan tujuh kementerian bagi menangani masalah yang wujud ketika itu? Sudahkah ia menggerakkan program yang telah dirancang dulu - program keibu bapaan untuk ibu bapa, Briged Putera dan kerahan tenaga untuk remaja? Adakah program itu berjaya membendung masalah disiplin di kalangan pelajar remaja? Bagaimana pula dengan kuasa polis tambahan atau *Auxiliary Police Power* (AP) yang diberikan kepada guru disiplin sekolah dalam usaha membendung masalah disiplin di kalangan pelajar - sudahkah ia dilaksanakan?

Begitu juga dengan peruntukan Akta Juvana 1972 yang membolehkan bon dikenakan terhadap ibu bapa jika anak-anak mereka terus melakukan kesalahan - sudahkah ia dikuatkuasakan dan sejauh manakah keberkesannya? Apakah tindakan kita selama ini?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir



DATUK MAHAZIR MOHD KHIR

Mohd Khir berkata, setiap pihak cenderung menyalahkan satu sama lain. Akibatnya, masalah disiplin terus menjadi serius.

"Dalam menangani masalah ini, peranan semua pihak diperlukan. Ketepikan buat sementara sikap suka menuding jari kepada pihak-pihak tertentu kerana ia tidak akan membawa kepada sebarang penyelesaian. Apa yang diperlukan sekarang ialah pihak-pihak yang terbabit perlu duduk bersama-sama di meja rundingan mencari punca masalah dan jalan penyelesaiannya.

"Setiap pihak perlu merenung kembali peranan masing-masing dan sumbangan yang dapat mereka berikan untuk membendung masalah ini," katanya ketika ditemuramah di Parlimen, baru-baru ini.

Sikap sesetengah ibu bapa yang lebih mementingkan material dan kurang memberikan tumpuan dan perhatian kepada anak-anak mereka di rumah sudah acap kali diperkatakan sebagai salah satu punca kepada kebobrokan disiplin pelajar dan bukan lagi suatu isu yang baru. Setiap kali masalah yang membabitkan pelajar timbul, golongan ibu bapa pasti menjadi sasaran. Namun itulah hakikat yang harus diterima oleh ibu bapa pada zaman moden ini. Tidak dapat tidak mereka perlu akur dengan kenyataan bahawa pembentukan akhlak serta moral yang baik perlu disemai dan dipupuk dari rumah lagi.

Malangnya melihat senario masa kini, ibu bapa nampaknya lebih leka dengan pembangunan ekonomi sehingga melupakan soal pembangunan insan yang bertunjangan agama dan menitik beratkan nilai-nilai murni. Soal memberi didikan agama dan rohani kepada anak-anak semakin diabaikan oleh ibu bapa pada zaman moden ini. Tidak dapat dinafikan

Merebak - Mahadzir Mohd Khir



Anak-anak remaja sekarang kian terdedah dengan pelbagai bahan negatif yang berunsurkan seks yang boleh merosakkan minda mereka dan sekali gus menjerumuskan mereka ke dalam perlakuan-perlakuan yang tidak sihat.

mana-mana agama pun sentiasa menitikberatkan penerapan nilai-nilai murni yang rata-rata menghendaki penganutnya menjadi baik - soalnya adakah ibu bapa mengambil berat tentang perkara ini?

Mahadzir ketika ditanya mengenai hal ini berkata masalah disiplin yang lebih menjurus ke kawasan bandar memberi gambaran kepada kita bahawa institusi keluarganya telah semakin rapuh. Ibu bapa mereka lebih sibuk dengan urusan mencari kemewahan dunia dan tidak mempunyai masa langsung untuk bermesra dan berlipur dengan anak-anak.

"Anak-anak selalunya akan dibiarkan tinggal bersendirian di rumah tanpa pengawasan dan peluang yang ada ini selalunya akan mereka gunakan untuk melakukan perkara-perkara di luar pemikiran orang dewasa untuk dilakukan golongan pelajar.

"Dalam keadaan sekarang yang dipengaruhi oleh Internet, peranan ibu bapa sudah tentunya lebih berat lagi kerana anak-anak kini sudah mula berjinak dengan internet dan banyak menghabiskan masa di kafe siber dan mempunyai peluang yang seluas-luasnya untuk melayari laman-laman yang tidak sepatutnya mereka layari. Pendek kata anak-anak remaja sekarang kian terdedah dengan pelbagai bahan negatif yang berunsurkan seks yang boleh merosakkan minda mereka dan sekali gus menjerumuskan mereka ke dalam perlakuan-perlakuan yang tidak sihat.

"Tidak mustahil, gejala ini akan menular di kalangan pelajar sekolah sekiranya ibu bapa tidak mengambil langkah berjaga-jaga dari sekarang bagi mengawal anak mereka dari terjebak sama. Saluran yang begitu popular di kalangan pengguna internet khususnya golongan pelajar yang masih muda remaja kadangkala dijadikan medan untuk mereka menghamburkan perkataan-perkataan yang berunsur lucah dan melayari laman-laman lucah, yang akhirnya membawa kepada perlakuan-perlakuan seks yang tidak diingini.

"Sikap sesetengah ibu bapa yang begitu memberi kebebasan kepada anak mereka sebenarnya memberi ruang yang cukup luas untuk menggalakkan gejala ini berlaku. Selain daripada sikap ibu bapa, kadangkala sekolah juga bertanggungjawab dalam menyuburkan kegiatan salah laku di kalangan pelajar," tambah Ahli Parlimen Sungai

Petani ini.

Pendedahan yang dibuat oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) bahawa terdapat setengah-tengah pengetua yang cuba menyembunyikan gejala ini amat memeranjatkan kita dan tidak seharusnya berlaku.

Ada sekolah yang seboleh-bolehnya mahu memaparkan imej yang bersih semata-mata, walau pun realitinya tidak sedemikian. Segala bentuk kepincangan akan disapu bersih-bersih dan disorokkan di bawah tikar atas alasan menjaga kredibiliti pengetua sebagai pemimpin. Pengetua berkenaan bimbang jika kes-kes salah laku pelajar itu dilaporkan kepada pihak atasan, nama sekolah mereka akan disenarai hitamkan dan peluang mereka untuk naik pangkat atau naik gaji akan terjejas.

Sampai bila gejala ini harus dibiarkan berlaku, kerana lambat laun perkara ini akan terbongkar juga dan kesannya tentu akan lebih teruk lagi. Dan, bila ini berlaku, segalanya mungkin sudah terlambat, disiplin sekolah mungkin sudah pun berada di tahap yang amat parah dan imej sekolah di mata orang ramai akan turut terjejas.

Mahadzir berkata, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) seharusnya dijadikan jambatan yang paling berkesan untuk mewujudkan hubungan yang erat antara pihak sekolah, ibu bapa dan masyarakat.

"Peranan sekolah sebagai institusi masyarakat atau memasyarakatkan sekolah perlu diperhebatkan supaya wujud rangkaian kerjasama yang padu antara sekolah dan masyarakat dalam mengatur sebarang program, langkah dan tindakan yang sesuai untuk kesejahteraan anak-anak mereka.

"Apa yang penting sekarang semua pihak perlu berganding bahu melaksanakan segala bentuk tindakan yang telah dirangka sebelum segala-galanya menjadi parah.

"Lupakan kepentingan peribadi buat seketika kerana masa depan negara banyak bergantung kepada corak pelajar yang kita bentuk pada masa ini. Tersilap langkap bakal mengundang padah dan sesal yang berpanjangan," luah beliau yang bimbang akan masalah yang semakin kronik ini. 